



20 JANUARI 2016

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

"ISU DAFTAR PESALAH SEKS"

Merujuk kepada laporan media berkenaan cadangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mewujudkan daftar pesalah seks secara *online*, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin menjelaskan mengenai cadangan daftar ini.

Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015 telah dibentangkan untuk bacaan pertama di Parlimen pada Disember 2015 dan antara cadangan pindaan utama adalah penambahbaikan kepada Daftar Kanak-Kanak yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pada masa ini, selaras dengan seksyen 119 Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*] Daftar Kanak-Kanak ini mengandungi butir-butir tentang tiap-tiap kes atau kes disyaki kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan kes atau kes disyaki itu yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

Bagi tujuan mempertingkatkan perlindungan terhadap kanak-kanak, pihak KPWKM mencadangkan supaya butir-butir orang yang disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah yang mana sesesorang kanak-kanak ialah mangsa dibenarkan disimpan di dalam Daftar Kanak-Kanak berkenaan.

Dalam hal ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat mengenai pesalah yang melakukan kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak untuk disimpan di dalam Daftar tersebut dengan kerjasama pihak Mahkamah dan lain-lain agensi yang dikenalpasti.

KPWKM ingin menegaskan bahawa akses kepada daftar ini hanya akan dibenarkan mengikut peruntukan undang-undang termasuk orang-orang atau golongan-golongan orang yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah mendapat akses kepada Daftar atas alasan bahawa akses mereka kepada Daftar akan mempertingkatkan perlindungan kanak-kanak.

Pelaksanaan dan prosedur akses kepada Daftar Kanak-Kanak ini akan diperhalusi oleh pihak KPWKM.

####

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
No.55, Persiaran Perdana, Precint 4,
Putrajaya

Tarikh : 20 Januari 2015